

Hudud perlu kajian — Mahathir

1994 - 4 MAR 1994

Oleh
SAROJI MOKHTAR

KOTA BHARU 3 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Kerajaan Pusat akan menubuhkan badan bagi mengkaji secara teliti undang-undang Pas Kelantan mengenai hukum hudud.

Katanya, sementara kajian itu dijalankan, undang-undang Pas itu tidak boleh diterima atau dilaksanakan oleh sesiapa kerana ia masih bukan undang-undang Islam dan bukan undang-undang negara.

Badan pengkaji itu akan dianggotai oleh orang-orang Islam yang pakar dalam agama, hukum hakam dan jenayah serta tidak mempunyai lain-lain kepentingan selain pegangan kepada agama Islam.

Menurut Dr. Mahathir, badan itu juga perlu mengambil kira,

keadaan semasa yang mempengaruhi amalan dan pelaksanaan ajaran, ibadat dan hukum dalam Islam.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di Majlis Perjumpaan Bersama Rakyat di Pusat Bahasa Arab, Nilam Puri di sini petang ini. **[TEKS UCAPAN PENUH PERDANA MENTERI DI MUKA 6].**

Beliau menjelaskan, kajian itu perlu dibuat bukan sebagai tindakan politik tetapi kerana Kerajaan Pusat adalah bertanggungjawab terhadap agama dan umat Islam di Malaysia.

Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa anggapan Pas terhadap sesiapa yang menolak undang-undang hudud parti itu sebagai murtad adalah bertentangan dengan ajaran Islam.

Dr. Mahathir berkata, ini kerana Islam memberi kelonggaran dalam mentafsir ajarannya se-

■ Lihat muka 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

U.M - 4 MAR 1994

Hudud perlu kajian — Mahathir

hingga perbezaan boleh berlaku.

“Kita dibenar menolak atau menerima mana-mana tafsiran. Undang-undang hudud Pas adalah hasil kefahaman atau fikh dan tafsiran orang Pas akan ajaran Al-Quran dan hukum syarak,” katanya.

Katanya, ia juga hasil kepentingan politik parti

dan tidak menjadi sebahagian daripada ajaran Islam yang mesti diterima oleh semua orang Islam.

“Ia tidak pun termasuk dalam ajaran Islam hasil kefahaman dan tafsiran imam-imam yang diiktiraf baik oleh puak Suni atau Syiah,” katanya.

Perdana Menteri berkata: “Kita tidak menafikan

adanya orang yang boleh menjadi murtad. Ada syarat dan perbuatan tertentu yang membolehkan kita mendakwa orang itu murtad.”

Katanya, penolakan undang-undang Pas tidak termasuk dalam syarat-syarat ini, bahkan undang-undang Pas sebagai sebahagian daripada perbuatan irtidad atau

riddah dan ini boleh dilihat dalam seksyen 23 dalam undang-undang Pas.

Oleh itu beliau menegaskan, Pas tidak boleh mendakwa bahawa undang-undangnya tepat dan menjadi sebahagian daripada ajaran Islam.

“Kesahihan undang-undang Pas pun belum boleh ditentukan. Ia mungkin bertentangan dengan

ajaran Islam sendiri,” ujarnya.

Mahathir berkata, untuk menentukan sama ada undang-undang hudud Pas Kelantan mematuhi hukum hudud dalam Islam, tidak ada ujian yang lebih tepat daripada penilaian terhadap adil atau tidak adilnya hukuman yang akan dihasilkan oleh undang-undang Pas.

Katanya, jika adil maka kemungkinannya ialah ia diasaskan kepada hukum-hukum Islam, jika hukuman yang dibuat berasaskan kepada undang-undang Pas itu jelas dan nyata tidak adil maka mustahillah ia berasaskan hukum-hukum Islam sepenuhnya yang juga mengambil kira Masalah Am Syariah.

“Soal berat atau tidak hukum Islam bertentangan dengan hukum dalam undang-undang semasa tidak perlu diambil kira,” tegasnya.

saksi terpaksa menyaksi tanpa membuat apa-apa.

Katanya, keadaan ini tidak mungkin berlaku melainkan dalam peperangan umpamanya, di waktu mana rogol berlaku tanpa apa-apa sekatan seperti di Bosnia, di mana orang Serb yang bukan Islam sering merogol.

Mahathir berkata, yang jelas ialah mangsa rogol yang membuat pengaduan tidak mungkin mendapat saksi-saksi yang boleh diterima di bawah undang-undang Pas.

“Dengan itu perogol tidak boleh didakwa di bawah undang-undang Pas,” tambahnya.

Katanya, undang-undang Pas juga tidak akan menerima *circumstantial evidence* iaitu tanda-tanda pada mangsa yang membuktikan ia telah dirogol.

“Undang-undang Pas tidak menerima kesan atau cedera luka di tempat-tempat berkenaan

Pengaduan

Menurutnya, sebagai contoh untuk kajian: "Kita boleh mengambil kes rogol. Secara ringkas seorang wanita yang belum kahwin dirogol. Ia membuat pengaduan terhadap orang yang merogolnya, orang yang dikenali olehnya.

"Apakah yang akan berlaku dengan kes ini mengikut undang-undang Pas, iaitu Seksyen 10 berkenaan zina."

Katanya, untuk mengesahkan bahawa wanita itu benar-benar telah dirogol dan bukan dengan rela hati berzina, empat orang saksi yang terdiri daripada orang yang tidak berdosa besar dan tidak melakukan dosa-dosa kecil berulang kali diperlukan.

"Saksi seperti ini sudah tentu sukar didapati. Yang pertamanya, perogol tidak merogol di hadapan saksi. Ia sudah tentu tidak ingin mendedahkan dirinya kepada hukuman yang berat yang akan dikenakan ke atasnya.

"Jika hukuman tidak berat sekalipun ia tidak akan mendedahkan dirinya," ujar Perdana Menteri.

Beliau menambah, saksi yang mulia tidak akan berdiam diri melihat perbuatan merogol berlaku di hadapan mereka.

"Tentulah mereka tidak bertanggungjawab jika mereka melihat jenayah yang begitu dahsyat berlaku di hadapan mereka tanpa memberi pertolongan.

"Jika mereka tidak cuba menolong maka mereka akan menjadi orang yang bersubahat dengan perogol. Ini bermakna mereka turut berdosa dan tidak layak lagi untuk menjadi saksi yang boleh diterima," katanya.

Perdana Menteri menambah, hanya jika mereka dipaksa menyaksi dan diugut oleh perogol atau rakan-rakannya mungkin

atau tanda-tanda pada perogol yang menunjuk mangsanya telah melawan untuk mempertahankan kehormatannya," ujarnya.

Beliau berkata, dengan ketiadaan empat saksi yang diterima sah oleh undang-undang Pas dan penolakan *circumstantial evidence*, maka pengaduan dan tuduhan oleh mangsa rogol akan ditolak membolehkan perogol terlepas daripada sebarang hukuman.

Katanya, sementara itu jika wanita yang tidak berkahwin melahirkan anak, ia dituduh berzina kerana gagal membuktikan bahawa ia telah dirogol lantas ia tidak akan dapat mempertahankan dirinya daripada tuduhan di bawah Seksyen 46 Sub Seksyen 2 Undang-undang Pas.

Hakikat

"Apakah umat Islam boleh menerima hakikat bahawa mangsa rogol di hukum sedangkan perogol dilepaskan sebagai satu keputusan yang adil? ...kita boleh kata bahawa wanita sepatutnya menjaga dirinya dan tidak bergerak ke mana-mana tanpa muhrim untuk mengelak daripada dirogol.

Perdana Menteri menegaskan, Islam tidak mungkin mengizinkan ketidakadilan menjadi sebahagian daripada ajarannya. Islam tetap menegakkan keadilan dan mempertahankannya. Kezaliman bukan sesuatu yang menjadi sifat keislaman.

"Justeru itu sebarang kezaliman yang berlaku dalam masyarakat Islam bukanlah kerana ajaran Islam. Sebarang kezaliman dalam masyarakat Islam dan negara Islam adalah kerana umat Islam atau pemimpin Islam atau kerajaan Islam tidak mengikut ajaran Islam atau mereka menyalah-tafsirkan ajaran Islam yang sebenar.